



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN "*GRPB CHAMPION
AWARD 2019*"

TARIKH / MASA / TEMPAT
27 FEBRUARI 2019 (RABU)
9.00 PAGI

AUDITORIUM MENARA MPSP
BANDAR PERDA
BUKIT MERTA JAM

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Puan Ong Bee Leng

Chief Executive Officer

Penang Women's Development Corporation (PWDC)

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod

Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Datin Hajah Che Limah binti Haji Ujang

Pengerusi PUSPANITA MPSP

Encik Mohd. Tahir bin Othman

Pengerusi ANULAE Cawangan Seberang Perai

Encik Sr Mat Nasir bin Hassan

Naib Yang Dipertua PESUKA

Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff

Yang Dipertua PERMAI

Puan Latifah binti Razali

Pengerusi KOSPEMA

Kakitangan-Kakitangan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Gender Responsive & Participatory Budgeting Team

Penang Women's Development Corporation (PWDC)

Peserta-Peserta Pertandingan GRPB Champion Award 2019 yang Saya Hormati Sekalian.

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya telah memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan yang baik pada pagi ini untuk bersama-sama dalam Majlis Pelancaran *GRPB Champion Award 2019*. Terlebih dahulu, saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada *Penang Women's Development Corporation* (PWDC) kerana sentiasa memberi jalinan kerjasama yang baik sepanjang pelaksanaan dan penginstitusian GRPB di MPSP.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah bekerjasama dengan *Penang Women's Development Corporation* (PWDC) sejak tahun 2012 dalam melaksanakan Bajet Responsif Gender dan Partisipatori atau *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB). Pelaksanaan GRPB adalah untuk memastikan setiap sen yang dibelanjakan hendaklah berorientasikan rakyat dan memberi manfaat kepada semua lapisan

masyarakat. MPSP juga komited untuk memastikan kesaksamaan gender dalam setiap program pembangunan.

Justeru, MPSP telah menyediakan bajet tahun 2019 dengan menggunakan pendekatan GRPB iaitu dengan menjalankan soal selidik bajet pada 1 Februari hingga 31 Mac 2018 yang lalu. Jumlah responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini adalah 12,333 orang iaitu 1.2% daripada jumlah penduduk di Seberang Perai. Jumlah responden lelaki adalah 6,202 orang iaitu 50.3% berbanding jumlah responden wanita adalah 6,131 orang iaitu (49.7%).

Pada tahun 2012, MPSP telah menjalankan projek perintis menggunakan model GRPB di Rumah Pangsa PPR Ampangan, Ampang Jajar milik MPSP. Hasil daripada pelaksanaan ini adalah taman rekreasi dengan pelbagai kemudahan iaitu *outdoor gym* dan *gazebo* telah disediakan.

Selain itu, pada tahun 2015, pembersihan di Rumah Pangsa PPR Ampangan, Ampang Jajar juga dilaksanakan oleh penduduk Rumah Pangsa PPR Ampangan itu sendiri. Ini telah membolehkan MPSP

memperkasakan rakyat dalam menentukan persekitaran yang lebih bersih untuk penduduk masing-masing iaitu *delegation and empowerment*.

Mulai tahun 2017 hingga kini, MPSP telah memberi kontrak keselamatan kepada penduduk PPR Ampangan. Ini menunjukkan “*sense of belonging*” penduduk dalam meningkatkan tahap keselamatan di PPR Ampangan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Pada tahun 2018, MPSP sekali lagi telah mengorak langkah mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan B40. Kontrak pembersihan dan landskap di Pulau Aman telah diberi kepada komuniti iaitu melalui Kelab Wanita Aktif dan Cergas di Pulau Aman. Projek pembersihan telah dilaksanakan secara percubaan bermula 1 Januari 2018 sehingga 30 Jun 2018 dan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2019 dengan bayaran bulanan sebanyak RM11,500.00. Jumlah pekerja yang menjalankan kerja-kerja pembersihan dan landskap adalah seramai 12 orang iaitu seramai enam (6) orang pekerja wanita dan enam (6) orang pekerja lelaki. Saya telah mengadakan *Management By Walking Around* (MBWA) di Pulau Aman pada 20 Februari 2019 dan mendapati tahap kebersihan di Pulau

Aman sangat baik. Persekitaran yang bersih dapat menggamit lebih ramai pelancong mengunjungi Pulau Aman untuk menikmati keindahan flora dan fauna di samping menjalankan aktiviti-aktiviti santai di sini.

Selain itu, MPSP juga menyediakan kemudahan dan program mengikut gender iaitu wanita, orang kurang upaya (OKU), kanak-kanak, warga emas dan lain-lain bagi memastikan program yang dijalankan menepati kehendak *people centric*. Antaranya adalah program *Car Free Morning* iaitu di bawah Jabatan Kemasyarakatan di mana Jabatan telah menjalankan kajian kepuasan pengunjung selama tiga (3) bulan. Hasil daripada kajian tersebut, Jabatan Kemasyarakatan telah membuat penambahbaikan di mana tema ditetapkan setiap bulan seperti sambutan hari wanita, hari kanak-kanak sedunia, mengikut perayaan dan lain-lain bagi menarik kehadiran pengunjung.

Pada tahun 2018, MPSP juga telah menjalankan kerja-kerja menaik taraf klinik / bilik suntikan pengendali makanan iaitu di bawah Jabatan Perkhidmatan Kesihatan. Jabatan Perkhidmatan Kesihatan telah menjalankan kajian kepuasan pelanggan pada bulan November 2017 hingga Januari 2018 dan hasil daripada kajian tersebut, kerja-kerja naik taraf yang terlibat adalah bilik suntikan pengendali makanan disediakan di Kaunter Berpusat dan klinik di tingkat M dijadikan bilik suntikan pengendali

makanan untuk syarikat atau pengilang yang mengadakan temujanji dengan bilangan kakitangan seramai lima (5) orang ke atas.

Di samping itu, Jabatan Khidmat Pengurusan juga telah mengadakan perbincangan berkaitan agihan Pembantu Awam termasuk Pembantu Awam Wanita dan OKU pada 19 Disember 2017 yang lalu bagi menetapkan penempatan mengikut kesesuaian tempat kerja. Ini bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pekerja lebih terjamin.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Di samping pelaksanaan projek / program perintis GRPB, terdapat banyak perubahan positif telah diperolehi daripada pelaksanaan ini seperti kebajikan kakitangan wanita di MPSP ditambahbaik iaitu penyediaan dua belas (12) tempat letak kereta bagi wanita mengandung, tiga puluh (30) tempat letak kereta bagi ibu dan bapa yang membawa anak untuk dihantar ke taska yang terdapat di Menara MPSP dan penyediaan bilik laktasi untuk kegunaan orang awam atau kakitangan wanita di MPSP. Kemudahan untuk orang kurang upaya (OKU) juga telah dititikberatkan seperti kemudahan tandas di Kaunter Berpusat, penyediaan *railing*, penyediaan tempat letak kereta OKU dan lain-lain.

MPSP juga telah dijemput untuk membentangkan “*GRPB Penang Model*” di peringkat antarabangsa sebagai speaker iaitu di Bhutan dihadiri oleh Pn. Norliza pada tahun 2013, di Cambodia dihadiri oleh Pn. Norshazila dan En. Mohd Ubaidillah pada bulan September 2016, di Beijing dihadiri oleh En. Ahmad Syahrir pada bulan November 2016 dan di Hong Kong pada bulan Januari 2017 dihadiri oleh dua (2) orang pegawai gender MPSP. Semua kos perjalanan dan penginapan ditaja oleh penganjur.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Seperti yang kita maklum, tahun 2019 adalah tahun di mana MPSP akan “menyantuni rakyat” atau “*people centric*”. Oleh itu, bagi memastikan setiap perolehan dibuat mencapai ke arah “*people centric*”, setiap kertas kelulusan tender, sebutharga atau pembelian runcit hendaklah dimasukkan elemen gender serta mengguna pakai senarai semak GRPB (*GRPB checklist*). *GRPB checklist* serta elemen gender dimasukkan dalam kertas kelulusan adalah bagi memastikan penginstitusian GRPB dapat direalisasikan di MPSP.

Hasil perbincangan antara MPSP dan pihak PWDC pada tahun 2018 yang lalu, pertandingan GRPB Champion Award dicadangkan untuk diadakan pada tahun 2019. Ini bertujuan bagi membudayakan pelaksanaan GRPB di semua Jabatan. Setelah hampir tujuh (7) tahun pelaksanaan, pelbagai pembinaan kapasiti telah diberi kepada semua Ketua Jabatan dan Pegawai Gender serta dengan kerjasama dan tunjuk ajar daripada pihak PWDC dalam melaksanakan pilot projek GRPB, diharapkan semua Jabatan dapat melaksanakan projek / program mengguna pakai mekanisme GRPB.

Di samping itu, pertandingan ini juga adalah salah satu inisiatif dan pengiktirafan yang akan diberi kepada semua Jabatan yang akan melaksanakan projek / program GRPB serta ia dapat memotivasikan pegawai dalam melaksanakan projek / program GRPB.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Sebagai Yang Dipertua MPSP, besarlah harapan saya agar pertandingan *GRPB Champion Award 2019* ini yang akan dilancarkan sebentar lagi dapat memberi pengetahuan dan kefahaman kepada semua Jabatan dalam melaksanakan projek / program menggunakan mekanisme GRPB serta mengaplikasikannya di setiap proses kerja di Jabatan.

Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Majlis dan PWDC atas sokongan untuk melaksanakan GRPB di MPSP.

Sekian,

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***

Terima kasih.